

Pembangkang sifatkan pindaan perintah tetap 'melindungi' Ahli2 Exco

Bahan asal dari Arkid
Negara Malaysia

IPOH, Rabu — Seorang ahli pembangkang menganggap pindaan yang dibuat terhadap Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri 'melindungi' Ahli-ahli Exco Negeri dari disoal mengenai segala kegiatan kerajaan.

Encik P. Patto (DAP-Gopeng) berkata, pindaan-pindaan itu menunjukkan pihak kerajaan tidak mahu rakyat mengetahui kedudukan sebenar kegiatan kerajaan.

Encik Patto berkata demikian semasa membahaskan usul pindaan terhadap Perintah Tetap yang dibuat oleh Encik Zainal Abidin bin Zin (BN-Gunong Semangol), semalam.

Pindaan-pindaan tersebut adalah pindaan terhadap doa mesyuarat, membatalkan sumpah jawatan bagi Speaker, pindaan masa perbahasan bagi rang undang-undang perbekalan dan mewujudkan seorang timbalan pengerusi untuk ja-

watankuasa kira-kira wang.

Encik Patto juga menyoal kedudukan Speaker yang dikehendaki tidak terlibat dalam perniagaan kecuali kerja-kerja kebajikan dan amal.

Ketika menggulung perbahasan tersebut, Encik Zainal Abidin menafikan jawatankuasa tersebut di bawah kuasa Ahli-ahli Exco.

Katanya, pindaan-pindaan dibuat adalah hasil dari kajian dan penyelidikan lunas-lunas rujukan (terms of reference) yang diberi oleh Dewan kepada Jawatankuasa Perintah Tetap.

"Jawatankuasa menerima pindaan-pindaan itu kerana perintah-perintah tersebut memadal dengan keadaan sekarang," tambahnya.

Mengenai pembatalan sumpah Speaker, Encik Zainal Abidin berkata, ia dibuat untuk menyelaraskan perintah tetap dengan perlembagaan negeri.